



**PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, DUN KE-14**

**YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD
- ADUN KAWASAN DAMAK**

PERTANYAAN 39.

Sila kerajaan nyatakan:

;a) Berapakah jumlah institusi pendidikan swasta atau persendirian yang terdapat di negeri Pahang?

b) Berdasarkan situasi semasa, adakah kerajaan menyediakan bantuan khas kepada institusi berkenaan yang terjejas akibat pandemik. Sekiranya ada apakah bentuk bantuan yang diberikan?

JAWAPAN OLEH YB. D. SRI SYED IBRAHIM

RUJUK LAMPIRAN 1

SUMBER: JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG

**PENYEDIAAN JAWAPAN PERTANYAAN SEMPENA MESYUARAT KEDUA
PENGAL KE-3 DEWAN NEGERI PAHANG KE -14**

ADUN :	YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD - ADUN KAWASAN DAMAK
---------------	---

PERTANYAAN 39

Sila kerajaan nyatakan:

- a). Berapakah jumlah institusi Pendidikan swasta atau persendirian yang terdapat di negeri Pahang?
- b). Berdasarkan situasi semasa, adakah kerajaan menyediakan bantuan khas kepada institusi berkenaan yang terjejas akibat pandemik. Sekiranya ada apakah bentuk bantuan yang diberikan?

JAWAPAN :

a).

263 buah tadika berdaftar di negeri Pahang

14 buah sekolah swasta di bawah KPM

Dibahagi kepada 4 kategori

- **Sekolah Menengah Agama**
 - 1. SM Islam Al Irsyad Kuantan
 - 2. Maahad Tahfiz Negeri Pahang
- 2. **Sekolah Menengah Akademik**
 - 3. SM Chong Hwa
 - 4. Maktab Adabi Kuantan
- **Sekolah Rendah Agama**
 - 1. SR Islam Al Irsyad Batu 3
 - 2. SR Islam Al Irsyad Balok
 - 3. SR Islam Ibnu Abbas
 - 4. SR Islam Al Amin Paya Besar
 - 5. SR Islam Indera Mahkota

6. Madrasah Umamah Halimi

- **Sekolah Antarabangsa**
 - Genting Highlands International Boarding School Genting Highlands
 - International Islamic School Malaysia
 - International School of Kuantan
 - Regent International School, Kuantan

b)

- **Bantuan Awal Persekolahan (BAP)**
 - 376 murid layak dari
 - Selesai dibayar pada 11 April 2021

 - Sekolah terlibat :
 - SRI Al Irsyad Balok
 - SRI Indera Mahkota
 - SRI Ibnu Abbas
 - SRI Al-Irsyad Batu 3
 - SRI Al Amin Paya Pesar
 - SM Chong Hwa
 - SMI Al Irsyad Kuantan
 - Maahad tahfiz Negeri Pahang
- **Bantuan Ewallet kepada Belia**
 - 75 org murid SM Chong Hwa
 - Wang dikredit dalam akaun e wallet
 - Selesai dikreditkan pada 1 Jun 2021

- **Bantuan Prihatin 3.0**

- Daripada kerajaan negeri
- Untuk pengusaha dan pekerja kantin yang terjejas
- Melibatkan 7 buah sekolah Swasta

- **Sekolah yang memohon**

1. SM Chong Hwa
 - 2.SRI Al Irsyad Balok Dn SM I irsyad Balok..kongsi kantin
 - 3.SRI Ibnu Abas
 - 4.SRI Indera Mahkota
 - 5.SRI Ak Irsyad Batu 3
 6. Maahad Tahfiz Negeri Pahang
- Status : Dalam proses

- **Bantuan Yuran Murid Prasekolah Swasta Tahun 2021**

Jumlah keseluruhan RM 1,257,800 seluruh negara

88 buah tadika – 753 orang murid

Status : Dalam proses



**PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, DUN KE-14**

**YB. TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD
- ADUN KAWASAN DAMAK**

PERTANYAAN 40.

Mohon penjelasan pihak kerajaan berkaitan;

- a) Sepanjang tahun 2019-2020 berapakah bilangan Rancangan Tanah Kelompok (RTK) yang telah diluluskan di Dun Damak dan di manakah lokasi tersebut?
- b) Apakah kriteria penerima Rancangan Tanah Kelompok (RTK) dan bagaimanakah mekanisma pemilihan penerima RTK?

JAWAPAN OLEH YAB. MB

SECARA KESELURUHANNYA, TERDAPAT SEJUMLAH SEBELAS (11) RANCANGAN TANAH KELOMPOK (RTK) MELIBATKAN DEWAN NEGERI (DN) KAWASAN DAMAK DENGAN LAPAN (8) BUAH DARIPADANYA TELAH MEMPEROLEH KELULUSAN SECARA DASAR UNTUK DIWUJUDKAN RTK DARIPADA PIHAK KERAJAAN NEGERI.

SALAH SATU DARIPADA LAPAN (8) BUAH RANCANGAN TANAH KELOMPOK (RTK) YANG TELAH MENDAPAT KELULUSAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI MELALUI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN TELAH SELESAI DILAKSANAKAN IAITU MERUJUK KEPADA PELAKSANAAN RTK BUKIT GENTING FASA 1 DI MUKIM TEBING TINGGI.

MANAKALA, TIGA (3) BUAH LAGI RANCANGAN TANAH KELOMPOK (RTK) DI DEWAN NEGERI KAWASAN DAMAK YANG MASIH LAGI BELUM MENDAPAT KELULUSAN DARIPADA PIHAK KERAJAAN NEGERI KINI DALAM PROSES PENYEDIAAN DOKUMENTASI DAN TINDAKAN SUSULAN OLEH PIHAK PENTADBIR TANAH DAERAH.

KETIGA&NDASH;TIGA RTK TERSEBUT AKAN DIBENTANGKAN UNTUK PENELITIAN SERTA PERTIMBANGAN JAWATANKUASA PENYELESAIAN TANAH DAERAH (JKPTD) DAN SETERUSNYA DIKEMUKAKAN BAGI TUJUAN PERTIMBANGAN KERAJAAN NEGERI.

KESEMUA 11 LOKASI RANCANGAN TANAH KELOMPOK (RTK) DALAM DEWAN NEGERI KAWASAN DAMAK ADALAH SEPERTI YANG DINYATAKAN BERIKUT IAITU :

MUKIM PULAU TAWAR :
KAMPUNG GINTONG.

MUKIM HULU CHEKA :
(1) SUNGAI CHEKA;
(2) BATU BALAI; DAN
(3) PERLOK.

MUKIM TEBING TINGGI :
(1) BUKIT GENTING (FASA 1) (TELAH SELESAI PELAKSANAAN);
(2) BUKIT GENTING (FASA 2);
(3) KAMPUNG SAJANG; DAN
(4) BUKIT PANJANG.

MUKIM KELOLA :
(1) KAMPUNG SOKTI.

MUKIM BURAU :
(1) KAMPUNG BUKIT DINDING
(2) KAMPUNG BUKIT KETUPAT

MEKANISME PEMILIHAN PESERTA ADALAH BERPANDUKAN KEPADA ARAHAN PENTADBIRAN TANAH NEGERI (APTN) PAHANG BILANGAN 1 TAHUN 2019 MANAKALA KRITERIA PENENTUAN PEMILIHAN PESERTA RTK ADALAH DITENTUKAN OLEH PIHAK JAWATANKUASA PENYELESAIAN TANAH DAERAH (JKPTD).

SECARA UMUMNYA, SENARAI NAMA BAKAL PESERTA RANCANGAN TANAH KELOMPOK AKAN DIKEMUKAKAN MELALUI PIHAK JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN KAMPUNG (JKKK) ATAU PARA PENGHULU ATAU YB AHLI DEWAN NEGERI ATAU PENTADBIR TANAH. SENARAI NAMA TERSEBUT KEMUDIANNYA AKAN MELALUI PROSES PENAPISAN DAN PEMILIHAN SEBELUM DIPERAKUKAN OLEH JAWATANKUASA PENYELESAIAN TANAH DAERAH (JKPTD).

SENARAI PESERTA RTK YANG TELAH DIPERAKUKAN OLEH PIHAK JAWATANKUASA JAWATANKUASA PENYELESAIAN TANAH DAERAH (JKPTD) SETERUSNYA AKAN DIKEMUKAKAN OLEH PIHAK PENTADBIR TANAH DAERAH KEPADA KERAJAAN NEGERI UNTUK PERTIMBANGAN DAN KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN.

;

SUMBER: PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PAHANG

A) DI DUN DAMAK TERDAPAT 11 PERMOHONAN RANCANGAN TANAH KELOMPOK (RTK) DIREKODKAN IAITU MELIBATKAN KAWASAN DI BAWAH PENTADBIRAN MUKIM TEBING TINGGI, HULU CHEKA, BURAU, KELOLA DAN PULAU TAWAR.

SEPANJANG TAHUN 2019-2020 TIADA KELULUSAN BAHARU BAGI RTK INI DAN FAIL-FAIL INI SEDANG DIPROSES OLEH PEJABAT DAERAH DAN TANAH JERANTUT DAN PTG.

B) KRITERIA PENERIMA RTK DAN MEKANISME PEMILIHAN PENERIMA RTK ADALAH BERDASARKAN ARAHAN PENTADBIRAN TANAH NEGERI (APTN) PAHANG BIL.1/2019 BERKAITAN DASAR DAN PROSEDUR MEMPROSES PERMOHONAN BAGI PEMBERIMILIKAN TANAH SECARA BERPERANCANGAN - RANCANGAN TANAH KELOMPOK (RTK) DAN APTN BIL.6/85 DASAR PEMBERIAN MILIK TANAH DI NEGERI PAHANG & SYARAT-SYARAT KELAYAKAN.

SUMBER: PEJABAT DAERAH DAN TANAH JERANTUT